

Kerajaan tanggung makanan pelajar IPT

Ibu bapa tak perlu bimbang perbelanjaan penuntut tinggal di kolej kediaman

Oleh Rohaniza Idris dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan menanggung perbelanjaan makanan semua pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang tidak dapat pulang ke rumah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuat kuasa 18 hingga 31 Mac ini.

Sehubungan itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ibu bapa tidak perlu bimbang dengan keadaan anak masing-masing kerana kerajaan menanggung sepenuhnya perbelanjaan makanan mereka.

“Insya-Allah pelajar berkenaan berada dalam keadaan selesa di

kolej kediaman masing-masing dan makanan diberikan dan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

“Perkara itu diputuskan dalam mesyuarat tadi (Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menteri-Menteri Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan) selepas kita dapat aduan kebimbangan ibu bapa yang anak mereka di universiti tidak ber kemampuan membeli makanan apabila tidak dapat pulang ke rumah,” katanya.

Bercakap pada sidang media di Putrajaya yang disiarkan secara langsung semalam, Ismail Sabri menjelaskan, ketika ini seramai 60,000 pelajar berada di kolej kediaman dan jumlah sebenar peruntukan untuk perbelanjaan makanan itu sedang diuruskan oleh



Agihan makanan kepada pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam berikutan Perintah Kawalan Pergerakan. (Foto Rohanis Shukri / BH)

Agenzia Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

“Saya juga berterima kasih dengan kerajaan-kerajaan negeri yang mengambil inisiatif menyuruh bantuan kepada pelajar yang ada di negeri masing-masing,” katanya.

Sementara itu, beliau yang juga Menteri Pertahanan, berkata warga Malaysia yang bekerja di Singapura boleh terus bekerja seperti biasa, dengan syarat mereka tinggal di republik itu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Ismail Sabri memaklumkan, kedua-dua negara sudah berbincang kelmarin dan Singapura bersetuju menyediakan kemudahan penginapan kepada pekerja dari Malaysia sepanjang tempoh perintah

berkenaan, selain menanggung sepenuhnya kos bagi tujuan berkenaan.

“Apabila pekerja Malaysia itu mahu pulang ke tanah air, diper setujui semua saringan kesihatan dilakukan oleh Kerajaan Singapura bagi memastikan pekerja berada pada tahap kesihatan yang baik.

“Pada masa sama, dipersetujui kedua-dua negara, penghantaran produk makanan diteruskan dan pemandu kenderaan akan disaring ketika keluar dan masuk ke republik berkenaan. Semuanya ditanggung Kerajaan Singapura,” katanya.

Hasil perbincangan kedua-dua negara juga, katanya, memutuskan diwujudkan dua jawatankuasa bersama Malaysia dan Singapura

pula berikutan pelaksanaan perintah berkenaan, iaitu Jawatankuasa Bersama Malaysia-Singapura peringkat menteri serta jawatankuasa kerja.

Katanya, jawatankuasa bersama peringkat menteri dipengerusikan oleh beliau dan Menteri Pertahanan Singapura, manakala jawatankuasa kerja dipengerusikan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Luar kedua-dua negara yang turut dianggotai KSU beberapa kementerian lain yang terbabit.

“Kerajaan Johor turut meng anggotai jawatankuasa itu kerana membabitkan pergerakan harian antara Malaysia dan Singapura. Kedua-dua negara akan melaku kan pemantauan pergerakan dari semasa ke semasa,” katanya.